

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Perdagangan 3755/2 mengandungi enam soalan esei terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi lima soalan iaitu soalan 1 hingga 5 dan Bahagian B mengandungi satu soalan sahaja. Calon dikehendaki menjawab mana-mana tiga soalan daripada Bahagian A, dan wajib menjawab soalan Bahagian B yang berbentuk kajian kes. Semua soalan mengandungi tiga ceraiian iaitu ceraiian a, ceraiian b, dan ceraiian c.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhannya, prestasi calon kurang memuaskan iaitu pada tahap sederhana dan lemah. Kebanyakan calon hanya boleh menjawab soalan pada tahap kesukaran yang rendah, ia itu pada aspek pengetahuan dan kefahaman tentang prinsip, konsep dan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan ilmu perdagangan. Calon masih kurang berkemahiran untuk menjawab soalan-soalan pada tahap kesukaran sederhana dan tinggi, terutamanya dalam aspek-aspek kemahiran mengaplikasi, membuat keputusan, menilai dan menganalisis perkaitan.

Pada amnya, calon memahami tugas asas soalan, tetapi tidak mampu memberi jawapan yang tepat. Calon dapat memberi fakta-fakta atau isi-isi yang berkaitan dengan betul, namun huraianya kurang jelas.

Kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat menjawab soalan-soalan yang berbentuk membuat keputusan, aplikasi, dan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, ia itu soalan 1b, 2a, 3c, 5c, dan 6b. Bagi soalan yang melibatkan pengiraan, ramai calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat, khususnya soalan 5a. Bagi soalan-soalan yang dinyatakan ini, prestasi calon amat rendah. Markah yang diperolehi calon tidak melepasi separuh daripada markah yang diperuntukan.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Bilangan calon dalam kumpulan ini adalah kecil. Calon memahami kehendak soalan serta mempunyai penguasaan konsep asas yang baik. Persembahan jawapan menarik dan tersusun. Calon dapat mengaitkan fakta-fakta perdagangan dengan tugas soalan, memberi fakta dengan huraian yang jelas serta menjawab soalan-soalan yang memerlukan jawapan yang spesifik. Walau bagaimana pun soalan 6 tidak dijawab dengan baik.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Bilangan calon dalam kumpulan ini adalah ramai. Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan-soalan pada tahap kesukaran yang rendah, ia itu aspek pengetahuan dan kefahaman. Walau bagaimanapun, calon hanya dapat menjawab dengan tepat pada sebahagian ceraiian soalan sahaja. Bagi ceraiian soalan yang kesukarannya sederhana dan tinggi, calon tidak dapat memberi jawapan yang baik. Calon dalam kumpulan ini tidak dapat menjawab soalan-soalan yang memerlukan kemahiran membuat keputusan, menganalisis dan juga soalan-soalan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Calon-calun juga sering mengulangi fakta yang sama.

## Calon Dalam Kumpulan Rendah

Ramai calon menjawab empat soalan tetapi markah yang diperolehi hanya pada satu ceraihan soalan sahaja. Kebanyakan calon tidak memperolehi sebarang markah. Contoh; Soalan 1 – calon hanya boleh menjawab soalan ceraihan 1a dan 1c. Bagi calon yang memperolehi markah rendah, mereka dapat menguasai soalan berbentuk pengetahuan asas sahaja. Mereka tidak dapat mengingati fakta dan memahami konsep. Manakala calon yang lemah, penguasaan bahasa melayu adalah sangat lemah. Terdapat segelintir calon yang hanya menyalin semula teks soalan sebagai jawapan.


## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1(a).

#### Kekuatan calon

Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis-jenis nilai faedah dengan huraian serta contoh yang tepat dan ramai calon memperoleh markah maksimum.

#### Contoh 1



Jenis nilai faedah bentuk adalah dengan menghasilkan sesuatu bentuk untuk kegunaan manusia dan memperoleh faedah daripadanya, contohnya kayu balak di dalam hutan, dikubang dan diproses bagi menjadi petabot untuk kegunaan manusia.


Jenis nilai faedah tempat pula ialah dengan membawa sesuatu bahan yang ingin diusahakan ke tempat yang bersesuaian dengannya misalnya, getah yang dikutip dari ladang getah di bawa ke kilang dalam menjalani proses penghasilan kasut, beg atau sebagainya.

Jawapan calon ini jelas dan fakta, huraian serta contoh disusun mengikut urutan. Fakta yang ditulis juga jelas, dinyatakan huraianya serta ada contoh.

#### Kelemahan calon

Hanya dapat menyatakan fakta sahaja tanpa huraian atau contoh. Calon gagal menerangkan konsep nilai faedah masa dengan baik dan menyebabkan contoh yang diberikan tidak sesuai. Calon keliru antara pengkhususan dengan nilai faedah.

#### Contoh 2



Nilai faedah temp  
pula, pekerjaan bentuk muka bumi. Contoh hanya  
tanah tinggi Cameron mempunyai iklim dan  
tanah tanah yang baik untuk perusahaan  
sayur-sayuran.

Calon ini mengemukakan fakta yang betul tetapi huraian dan contohnya tidak tepat.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon mengemukakan konsep yang salah. Nilai faedah ditafsirkan sebagai faedah pengkhususan. Terdapat juga calon mengemukakan huraian yang salah seperti nilai faedah tempat merujuk kepada tempat yang sesuai untuk pengeluaran atau pengkhususan mengikut tempat. Terdapat juga calon yang menerangkan mengenai faktor-faktor pengeluaran.

#### Contoh 3

Nilai faedah masa adalah berkaitan dengan pengeluaran bermusim. Contohnya kita boleh mendapat buah epal pada bila-bila masa walaupun pada masa itu bukan musim buah epal berbuah. Manakala nilai faedah

Calon ini mengemukakan fakta yang betul tetapi huraianya tidak relevan dengan fakta yang diberi.

#### Soalan1(b)

##### Kekuatan calon

Calon dapat mengenalpasti konsep pengeluaran tak langsung dan mengaitkannya dengan konsep pengkhususan serta kelebihan pengeluaran tak langsung.

#### Contoh 4

En. Fadzly memilih untuk mengusahakan tanahnya secara pengeluaran tidak langsung kerana dengan cara ini beliau dapat mengamalkan pengkhususan dalam aktiviti pengeluarannya. En. Fadzly boleh mengupah pekerja untuk membantu beliau mengusahakan tanah tersebut. Hasil dari pengeluarannya dapat dijual kepada orang ramai.

Calon ini dapat mengemukakan satu fakta serta satu huraian dengan jelas.

##### Kelemahan calon

Calon hanya memberi fakta berkaitan konsep pengeluaran tak langsung, kesan lebihan pengeluaran dan konsep lebihan keluaran dapat dijual. Kebanyakan calon tidak dapat mengaitkan konsep pengkhususan dengan kelebihanannya. Calon juga mencampuradukkan konsep pengeluaran langsung dengan konsep pengeluaran tak langsung.

## Contoh 5

Pengeluaran terbahagi kepada dua bentuk iaitu pengeluaran langsung dan pengeluaran tidak langsung. Pengeluaran langsung bermaksud pengalihan atau pekerjaan yang dijalankan tanpa melibatkan orang lain dan kebaikan darinya untuk kegunaan dan keperluan diri sendiri misalnya, Encik Helmi bercucuk tanam dan membina tempat tinggal untuk kegunaan diri, kebaikan keluarganya sebagai tempat tinggalnya dan makanan hariannya.

Pengeluaran tidak langsung iaitu pengeluaran atau pekerjaan yang dijalankan dengan melibatkan bantuan orang lain dan demi mendapatkan pasaran. Ini terbukti apabila penubuhan kilang yang mempunyai beratus-ratus pekerja dalam menghasilkan suatu perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Encik Fadzly memilih untuk mengusahakan tanahnya secara tidak langsung kerana beberapa sebab. Pengeluaran tidak langsung dapat memberikan keuntungan kepada Encik Fadzly berbanding pengeluaran langsung. Encik Fadzly mempunyai lima hektar tanah dan beliau memerlukan pekerja-pekerja yang ramai dalam membantunya beliau dalam pemilagannya.

Calon ini menerangkan ciri-ciri pengeluaran langsung dan pengeluaran tak langsung. Calon juga memberi penjelasan secara umum tentang pengeluaran tak langsung. Calon tidak memberi alasan mengapa pengeluaran tak langsung dipilih oleh Fadzly.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon memberikan penerangan pengeluaran langsung iaitu pengeluaran untuk sendiri, dan tidak mampu mengusahakannya kerana kekurangan modal. Calon hanya mengaitkan mengaitkan konsep pengeluaran langsung dengan pengeluaran tak langsung dan tidak memberi tumpuan kepada sebab-sebab pengeluaran tak langsung menjadi pilihan En. Fadzly.

## Contoh 6

- Dia tidak mampu menguruskan tanahnya yang seluas 5 hektar seorang diri.
- Pengeluaran tak langsung memenuhi keperluan dan kehendak individu lain
- Pengeluaran tak langsung akan mendatangkan banyak faedah kepada semua orang.

Fakta dan huraian yang dikemukakan adalah terlalu umum.

### Soalan 1(c)

#### Kekuatan calon

Calon dapat menjelaskan jenis pengkhususan yang terlibat serta memberi contoh dan huraian yang relevan dengan situasi diberi.

#### Contoh 7

- Pengkhususan mengikut Profesion :-

• iaitu Pembahagian Kerja mengikut minat dan kemahiran seseorang Individu.

• Contohnya Pekerja - Pekerja di ladang teh itu terdavi daripada buruh ladang, Penyelia kilang dan Pekerja Pengeluaran.

Calon ini dapat mengemukakan fakta, huraian dan contoh secara tersusun dan jelas.

#### Kelemahan calon

Calon menyenaraikan jenis pengkhususan tanpa contoh dan penerangan. Terdapat segelintir calon yang hanya menyenaraikan satu jenis pengkhususan sahaja.

#### Contoh 8

Di dalam situasi di atas, pengkhususan yang terlibat adalah buruh di mana terdapat buruh ladang, penyelia kilang dan pekerja pengeluaran. Buruh terbahagi kepada beberapa segi sama ada dari segi mental atau fizikal.

Buruh mampu melakukan kes pekerjaan tidak kiralah buruh yang mahir, separuh mahir mahupun tidak mahir. Buruh dapat juga menjalankan banyak perkhidmatan kerana bilangan buruh agak ramai dan perkhidmatan dapat ditunaikan dalam masa atau waktu yang diperuntukkan.

Terdapat juga pengkhususan dari segi perkilangan atau tempat di mana ladang teh The Highlands dibina di suatu kawasan. Pemilihan perkilangan atau tempat itulah strategik dan berselesaian dengan pengkhususan atau peniagaan yang dijalankan.

Calon menjawab secara umum dengan mengemukakan jenis-jenis pekerjaan dan buruh seperti yang dinyatakan dalam petikan. Calon tidak mengemukakan fakta, huraian dan contoh yang sesuai berkaitan jenis pengkhususan yang wujud.

#### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon memberikan huraian yang bertentangan dengan jenis pengkhususan, iaitu tersalah penerangan. Sebahagian calon tidak merujuk kepada ransangan situasi yang diberi. Kebanyakan calon mencampuradukkan fakta dan huraian dalam perenggan yang sama – sepatutnya mengikut urutan iaitu fakta diikuti dengan huraian.

### Contoh 9

Sebagai sebuah kilang yang menghasilkan teh, ia mempunyai banyak pengkhususan dari awal hinggalah ke akhir, contoh kilang teh memang perlu pengkhususan jika tidak teh akan rosak dan membazir.

Fakta yang dikemukakan tidak tepat dan huraianya juga umum.

### Soalan 2(a)

Kekuatan calon

Calon dapat menyatakan serta menghuraikan perniagaan berbentuk francias dengan baik. Jawapan yang diberi dapat menjelaskan bagaimana perniagaan francias dapat membantu Wak Joyo dalam mengembangkan perniagaan.

### Contoh 10

Bentuk perniagaan yang akan dipilih oleh Wak Joyo ialah francias. Melalui francias, Wak Joyo yang bertindak sebagai francisor dapat mengembangkan perniagaannya dengan memberi hak kepada franciasi, iaitu peniaga yang ingin membuka kedai mee rebus dengan menggunakan nama 'Mee Rebus Joyo' yang telah terkenal untuk membuka cawangan atau perniagaan Mee mee rebus di tempat lain. Wak Joyo yang bertindak sebagai francisor juga akan dibayar oleh franciai, yang ingin membuka perniagaan menggunakan nama 'Mee Rebus Joyo'.

Calon dapat memilih dengan tepat jenis perniagaan yang membantu mengembangkan perniagaan Wak Joyo. Keterangan yang diberikan juga menepati fakta pilihannya.

**Kelemahan calon**

Calon menyatakan jenis perniagaan berdasarkan teks soalan sahaja. Calon juga tidak dapat membezakan francisor dengan franciai.

### Contoh 11

Dengan adanya francais Wak Joyo akan dapat memperkahi lebih banyak Pekerja dengan menampakan iklan jawatan kosong di merata-rata tempat. Dengan cara francais juga Wak Joyo dapat mengekalkan ~~the~~ resipi keistimewaan mee rebusnya di merata-rata tempat. Dengan ini resipi Wak Joyo akan diperihara di tempat-tempat yang telah dibuka oleh beliau. Dengan berkerbangnya perniagaan Wak Joyo secara francais, beliau akan dapat membayar kembali wang pinjaman yang telah dipinjam oleh beliau. Dalam masa yang sama beliau juga mestilah sentiasa menerima khidmat nasihat daripada badan-badan tertentu.

Calon ini membuat pilihan yang betul, tetapi penerangannya tidak akur dengan kelebihan francais yang dapat membantu Wak Joyo mengembangkan perniagaannya.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Salah konsep tentang francais dan francais. Adanya calon membincangkan faktor-faktor yang berkaitan dengan penubuhan pemilikan perniagaan.

### Contoh 12

Pihak yang membenarkan kepada orang lain untuk menubuhkan sebuah ~~francais~~ francais diatas nama, logo, jenama dan keistimewaan syarikatnya dipanggil francais. ~~Franciai~~ Franciai memberi hak kepada orang atau mana-mana pengusaha yang ingin menggunakan nama, logo, jenama dan keistimewaan syarikatnya dengan syarat-syarat tertentu. Pengusaha atau orang yang diberi hak oleh francais ini dipanggil francaisor. Sebelum diberi hak memulakan perniagaan,

Calon ini mengemukakan fakta francais yang bercanggah antara francais dengan francaisor.

## Soalan 2(b)

### Kekuatan calon

Calon dapat menyatakan dan menerangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank saudagar.

### Contoh 13

~~f~~ Selain <sup>menerima</sup> deposit perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank Saudagar ialah menawarkan perkhidmatan kemudahan menyimpan dan kemudahan pinjaman ~~oleh~~ kepada syarikat-syarikat besar. ~~Kemudahan~~ Bank Saudagar hanya menawarkan ~~perkhidmatan~~ ~~pinjaman~~ kepada ~~ke~~ syarikat-syarikat besar.

Calon dapat mengemukakan fakta yang betul berkaitan perkhidmatan bank saudagar.

### Kelemahan calon

Calon hanya menyatakan perkhidmatan asas yang disediakan oleh bank saudagar tanpa mengemukakan huraian.

### Contoh 14

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank Saudagar ialah ia diberikan istimewa kepada pelanggan-pelanggan yang ingin mengembangkan perniagaannya. Selain daripada menerima deposit, bank saudagar akan memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga. Selain daripada itu, bank saudagar mempunyai perkhidmatan nasihat kepada peniaga-peniaga yang ingin mengembangkan perniagaannya atau melaburkan wangnya dalam perniagaan. Perkhidmatan nasihat akan memberikan idea-idea

Calon hanya mengemukakan tiga fakta sahaja yang berkaitan perkhidmatan bank saudagar iaitu memberikan pinjaman, memberi nasihat dan melaburkan wang peniaga.

## Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menerangkan jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank perdagangan. Keterangan calon juga tidak jelas dan bersifat pernyataan umum sahaja.

### Contoh 15

b) Selain deposit, perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh bank saudagar adalah seperti menyediakan kelengkapan atau maklumat untuk para pelanggan yang ingin tahu tentang perkara-perkara yang lain. Bank saudagar juga adalah sebuah anak syarikat yang boleh menjalankan perkara yang berkaitan dengan bank-bank lain. Kalau ingin mendapatkan maklumat lain ianya boleh diperolehi daripada bank saudagar. Bank saudagar juga tidak serupa dengan bank-bank yang lain. Bank saudagar menyediakan perkhidmatan seperti (perkhidmatan pinjaman) atau membuat pembayaran. Contoh bank saudagar adalah AFIA BANK BERHAD, MAYBANK FINANCE BERHAD atau sebagainya.

Calon mengemukakan keterangan secara umum dan tidak menyatakan fakta yang tepat berkaitan perkhidmatan bank saudagar.

### Soalan 2(c)

#### Kekuatan calon

Calon dapat menyatakan dengan jelas peranan pemborong khusus/satu barisan dengan tepat. Ada juga calon yang mengkaitkan jawapan dengan pemborong ikan, seperti LKIM dan juga orang tengah yang terlibat dalam pemasaran ikan.

### Contoh 16

Untuk membantu Fahmi menyelesaikan masalah itu, pemborong yang sesuai membantu Fahmi menyelesaikan masalahnya ialah pemborong <sup>satu kaisan</sup> khas yang dapat ~~carang~~ <sup>secara berbara</sup> membeli ~~bar~~ <sup>barang</sup> tertentu sahaja. Fahmi dapat menjual ~~kan~~ <sup>hasil tangkapan</sup> ikan-ikan yang banyak dengan menjual kepada pemborong itu kerana biasanya pemborong akan membeli ~~da~~ <sup>di</sup> dalam kuantiti yang banyak seterusnya memudahkan Fahmi untuk menjual

Calon ini dapat menentukan jenis pemborong yang sesuai dipilih serta memberikan alasan pemilihannya.

### Kelemahan calon

Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan jenis pemborong yang patut dipilih dengan tepat. Calon hanya sekadar menyatakan jenis pemborong am. Calon juga tidak mengemukakan alasan yang tepat tentang pemborong yang dipilih.

### Contoh 17

Jenis pemborong yang boleh membantu Fahmi menyelesaikan masalahnya ialah pemborong besar-besaran. Pemborong besar-besaran membeli sesuatu barang dalam bentuk pukal dan kemudian memecah pukal untuk diagunkan dalam kuantiti kecil. Pemborong besar-besaran akan membeli hasil tangkapan ikan yang banyak daripada Fahmi. Fahmi akan menerima bayaran yang setimpal dengan tanakannya. Tika

Jawapan calon bagi soalan 2 C (i) adalah tidak jelas. Manakala jawapan calon bagi soalan 2 C (ii) banyak mengulangi alasan yang sama iaitu pembelian secara pukal.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menyatakan jenis pemborong yang salah seperti pemborong bayar dan bawa, pemborong berfungsi penuh dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa calon tidak dapat dalam mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dengan situasi yang dinyatakan dalam soalan peperiksaan.

### Contoh 18

Jenis pemborong yang sesuai untuk membantu Fahmi ialah pemborong berfungsi penuh. Pemborong berfungsi penuh dapat membantu Fahmi untuk menamatkan kerja-kerja akhir seperti mengred, memecah pukal dan menyimpan stok di dalam gudang. Pemborong ini juga akan membantu meringankan beban Fahmi sebagai penuncit kecil-kecilan. Pemborong ini juga akan membantu memasarkan ikan kepada pengguna dan meluaskan pasaran perniagaan Fahmi serta meningkatkan pendapatan. Pemborong ini juga dapat menyediakan

Calon membuat pilihan yang tidak tepat dan alasan yang dikemukakan juga adalah secara umum.

### Soalan 3 (a)

#### Kekuatan calon

Calon dapat menjelaskan jualan tunai dengan tepat dan berupaya mendapat markah yang maksimum. Calon faham konsep-konsep yang berkaitan dengan kaedah jualan.

#### Contoh 19

Jualan tunai ialah ~~perjualan~~ <sup>perkhidmatan</sup> yang berasaskan wang tunai tanpa ~~perkhidmatan~~ <sup>perkhidmatan</sup> kredit atau hutang. Pembeli yang ingin membeli sesuatu barang perlu membayar secara tunai atau dengan wang ringgit ketika membeli. ~~ingin~~ <sup>ingin</sup> membayar barang yang dibeli. Perkhidmatan kredit atau hutang tidak diberikan dalam jualan tunai. Jualan tunai hanya boleh membenarkan pembayaran dalam bentuk wang ringgit (3 m)

Penerangan dan fakta yang dinyatakan oleh calon jelas dan akur dengan kehendak soalan.

#### Contoh 20

Jualan prabayar ialah jualan yang membolehkan pelanggan membayar <sup>dahulu</sup> perkhidmatan atau barang yang ~~ingin~~ <sup>ingin</sup> dibeli ~~sebelum~~ <sup>sebelum</sup> menggunakannya. Pelanggan perlu membayar <sup>dahulu</sup> barang atau perkhidmatan yang ingin digunakan ~~sebelum~~ <sup>sebelum</sup> menggunakan perkhidmatan tertentu. Contohnya, pembayar tol menggunakan kad 'Touch N Go' yang perlu dibeli dahulu untuk memudahkan pembayaran tol tanpa perlu membayar duit tol. Jualan prabayar memudahkan pengguna menggunakan sesuatu barang kerana barang itu telah dibayar sebelum digunakan. (3 m)

Penerangan dan fakta yang calon kemukakan jelas dan akur dengan kehendak soalan

### Contoh 21

Jualan sewa beli ialah jualan yang membolehkan penjual menyewakan barang yang dikehendaki pengguna kepada pengguna. Pengguna perlu membayar sewa kepada penjual orang yang memberi sewa mengikut pembayaran ansuran bulanan atau

Penerangan dan fakta yang calon kemukakan jelas dan akur dengan kehendak soalan.

### Kelemahan calon

Isi jawapan calon berulang-ulang. Ada yang keliru antara jualan prabayar dengan jualan sewa beli.

### Contoh 22

Jualan prabayar adalah jualan untuk tempoh masa tertentu seperti kad telefon prabayar. Pengguna harus membayar sejumlah wang untuk menggunakan perkhidmatan ini dan selepas tempoh tertentu, perkhidmatan ini akan tamat dan pengguna harus membayar lagi untuk menggunakan perkhidmatan.

Fakta yang dikemukakan adalah tepat tetapi huraianya tidak jelas.

### Contoh 23

Jualan sewa beli ialah jualan secara sewaan namun barang itu akan menjadi milik penyewa setelah tempoh sewaan tamat. Contohnya seperti teles. Pemilik teles yang menggunakan cara ini akan membayar sewa kepada syarikat mereka kerana menggunakan teles syarikat itu dan setelah tamat tempoh perjanjian, teles itu akan menjadi milik penyewa tersebut dan dia berhak untuk melakukan apa sahaja terhadap teles itu dan syarikat itu tidak mempunyai hak ke atas teles itu setelah tempoh sewaan tamat.

Fakta yang dikemukakan adalah tepat tetapi huraianya tidak jelas.

## Kesilapan yang seringkali ditemui

Jualan prabayar dianggap sebagai jualan tertunda atau jualan sewa beli

### Contoh 24

Jualan prabayar.  
Jualan secara kredit contohnya kad kredit pada masa kini  
digunakan oleh pengguna.

Fakta yang diberi adalah salah.

### Soalan 3 (b)

#### Kekuatan calon

Calon dapat memberikan fakta dan menghuraikannya dengan lengkap bertepatan dengan kehendak soalan.

### Contoh 25

(b) Encik Kamarol begitu yakin hendak menubuhkan pasar raya kerana pasar raya merupakan perniagaan yang berskala besar. Encik Kamarol yakin hendak menubuhkan pasar raya kerana beliau dapat (menikmati diskaun niaga yang tipikal) melalui (pembelian stok secara pukal) terus daripada pengeluar. Selain itu juga, beliau juga mendapat keuntungan yang tinggi hasil daripada jualan di pasar raya itu kerana beliau (membeli barang dengan harga yang murah dan menjual kepada pelanggan dengan harga yang berpatutan). Pasar raya mengamalkan kaedah (jualan tunai) yang mana Encik Kamarol (tidak perlu menanggung risiko hutang kepada) sebagaimana perniagaan runcit yang memberi kemudahan kredit kepada pelanggan. . . .

Fakta yang diberi tepat. Penerangannya jelas dan akur dengan kehendak soalan.

#### Kelemahan calon

Memberikan jawapan secara umum tanpa penjelasan lanjutan. Calon juga tidak memahami kehendak soalan kerana tidak dapat mengaitkan dengan situasi dialog.

## Contoh 26

Encik Kamarul begitu yakin hendak menubuhkan perniagaan pasar raya kerana ingin ~~menubuhkan~~ <sup>memajukan</sup> perniagaan dengan memperbesarkan perniagaan peruncitan dengan perniagaan pasar raya. Dengan perniagaan pasar raya Encik Kamarul dapat meningkatkan keuntungan dengan pembukaan perniagaan yang lebih besar. Dengan perniagaan yang ~~lebih~~ <sup>pasar raya</sup> besar juga, Encik Kamarul dapat mengembangkan perniagaannya ke peringkat yang lebih tinggi, supaya perniagaan runcitnya yang sudah maju dapat lebih memberi kelebihan kepada Encik Kamarul dengan ~~me-~~ untuk memajukan perniagaan pasar raya. Encik Kamarul juga yakin kerana perniagaan runcitnya yang diuruskannya maju & dan ini juga membolehkan perniagaan pasar raya yang ingin ditubuhkannya juga maju seperti perniagaannya runcit yang diuruskan olehnya.

Fakta yang dikemukakan adalah umum. Penerangan kurang jelas dan mengulang-ulang alasan yang sama.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menceritakan kelebihan pasar raya dari sudut pelanggan (pengguna), dan ada juga calon yang memberikan ciri-ciri pasar raya.

## Contoh 27

Encik Kamarul begitu yakin hendak menubuhkan perniagaan pasar raya kerana faktor-faktor tertentu.

Antaranya ialah para pengguna atau pelanggan lebih menggemai ~~para~~ pasar raya daripada kedai runcit kerana keselesannya dan barangnya yang banyak dan tempat yang luas.

Selain itu, pasar raya dapat menempatkan pelbagai barang ~~di~~ <sup>di</sup> kedai runcit seperti barang-barang keperluan dan sebagainya.

Calon mengemukakan kelebihan pasar raya dari sudut pelanggan dan bukan dari sudut peniaga. Ini bercanggah dengan kehendak soalan.

### Soalan 3(c)

#### Kekuatan calon

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan alasannya menepati peraturan pemarkahan.

#### Contoh 28

c)

Cara pembelian yang sesuai dipilih oleh pengusaha tersebut ialah melalui (syarikat pajakan). Hal ini demikian kerana syarikat tersebut mempunyai modal yang besar untuk menyediakan perkhidmatan membeli jentera atau mesin yang tinggi nilainya.

Pengusaha tersebut boleh membeli ~~set~~ melalui syarikat pajakan. Ini lebih menguntungkan pengusaha tersebut kerana (tidak perlu mengeluarkan modal <sup>modal besar</sup> yang besar) yang akan menelan belanja yang tinggi (Pengusaha terbabit boleh menggunakan komputer) tersebut untuk mencari pendapatan yang menguntungkan.

Selain itu, pengusaha ini tidak perlu memiliki aset, iaitu komputer tersebut pada hujung perniagaannya. Ini bermakna pengusaha ~~ter~~ (tidak menanggung risiko ~~kemung-~~kinan ~~at~~ komputer itu akan ketinggalan dari segi kecanggihannya.)

Di samping itu, kadar sewa yang ditawarkan juga rendah. (Sewa pajakan ~~ter~~ akan <sup>belanja</sup> ditolak pada baki di akhir perniagaannya.)

Calon membuat pilihan yang tepat dan mengemukakan alasan yang menepati peraturan pemarkahan.

### Kelemahan calon

Calon hanya dapat memberikan fakta meringankan masalah aliran tunai. Skop pengetahuan calon adalah terhad.

### Contoh 29

Pengusaha Sinaran Siber

Cafe terpaksa memperbaharui teknologi semasa dan pembelian komputer melalui syarikat pajalan adalah lebih baik berbanding secara tunai. Ini kerana pengusaha tersebut tidak akan beres mengalami kerugian yang besar jika beliau ingin menukar komputer baru. Ini kerana beliau banyak perlu membayar pajalan kepada syarikat pajalan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam surat pajalan. Selepas tamat tempoh itu, komputer akan menjadi milik syarikat pajalan dan pengusaha tidak perlu meranggung les kerugian yang tinggi setelah tempoh pajalan tamat. Berbanding belian secara tunai, jika beliau ingin menukar komputer, ini akan mendatangkan kerugian kepadanya kerana harga komputernya akan dijual dengan harga yang rendah berbanding harga asal yang dibelinya.

Pemilihan yang dibuat oleh calon tepat tetapi keterangan yang dikemukakan kurang jelas.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon tidak membuat pilihan, sebaliknya memberi huraian secara umum tentang kedua-dua cara pembelian. Calon juga membuat pilihan yang salah – pembelian secara tunai.

### Contoh 30

Cara pembelian yang menguntungkan ialah pembelian secara tunai. Apabila semua komputer itu dibeli secara tunai, maka ~~hak~~ pengusaha Sinaran Siber Cafe akan mendapat hak sepenuhnya keatas komputer tersebut. Syarikat itu juga tidak terikat kepada hutang kerana semua pembelian ~~tidak~~ dijelaskan secara tunai. Pengusaha siber cafe tidak akan risau dan dapat menjalankan perniagaan dengan tanpa masalah.

Pemilihan cara pembiayaan yang salah. Huraian yang dikemukakan umum.

**Soalan 4 (a)**

**Kekuatan calon**

Calon dapat menerangkan perbezaan antara kapal kargo dan kapal kerentan dengan tepat.

**Contoh 31**

KAPAL KARGO	KAPAL KERENTAN
- Bayaran Kapal ini telah ditetapkan dan harga tidak boleh ditawarkan.	- Bayaran tidak ditetapkan dan harga <del>tidak</del> boleh dirunding dan ditawarkan.

Selain itu, (sama kapal kargo tidak boleh ditawarkan atau dirunding, tetapi kapal kerentan boleh dirunding dan ditawarkan.)

Perbezaan yang dikemukakan tepat dan huraianya jelas.

**Kelemahan calon**

Calon memberi jawapan secara umum tanpa huraian yang jelas.

**Contoh 32**

Kapal Kargo	Kapal Kerentan
- digunakan untuk mengangkut barangan secara pukal atau banyak.	- digunakan untuk mengangkut barangan dari kapal ke persisiran pantai.

Perbezaan yang dikemukakan kurang jelas dan huraian yang diberi adalah umum.

### Kesilapan yang seringkali ditemui.

Terdapatnya calon yang memberi fakta bercanggah antara kapal kerentan dengan kapal kargo. Calon juga tidak membuat perbandingan tetapi hanya sekadar menyatakan ciri-ciri bagi kapal kargo dan kapal kerentan.

Kapal Kargo	Kapal Kerentan
- Kapal dikawal oleh pihak Kastam atau pihak berwajib	- tidak dikawal oleh pihak Kastam tetapi dikawal oleh nahkoda kapal.

### Contoh 33

menakala harga tamba  
/ Kapal kerentan boleh ~~dirunding~~ kapal kargo tidak boleh di carter manakala kapal kerentan boleh di carter iaitu carter masa dan carter perjetanan. Kapal kargo dapat diisi barang-barang kargo yang <sup>banyak</sup> ~~banyak~~ manakala kapal kerentan boleh mengisi barang yang lebih banyak. Jadual pelayaran kapal kargo ditetapkan manakala jadual pelayaran kapal kerentan tidak ditetapkan.

Jawapan yang dikemukakan tidak menunjukkan perbezaan. Huraian yang dikemukakan juga tidak tepat.

### Soalan 4 (b)

#### Kekuatan calon

Calon dapat memahami konsep asas inden secara umum serta menerangkan kebaikan inden terbuka.

### Contoh 34

Kebaikan jenis inden ini adalah inden ini mempunyai maklumat yang agak lengkap di mana ia telah mengemukakan tarikh, alamat, kuantiti dan sebagainya. Sekiranya terdapat sebarang kesulitan, inden ini dapat menjadi rujukan.

Selain itu, inden ini dapat menjadikan bukti atau semakan diantara kedua-dua belah pihak. Sebarang pembetulan atau kesilapan dapat dielakkan kerana anda adanya salinan inden yang disimpan. Selain itu juga, pihak pembeli dapat membeli insurans dan keuntungan sebanyak 15% dapat diberikan. Ini kerana insurans diambil dan sedikit keuntungan dapat diberikan. Secara tidak langsung, inden ini mempunyai kebaikan kepada kedua-dua belah pihak.

Fakta yang dikemukakan tepat. Huraianya jelas mengikut kehendak soalan.

### Kelemahan calon

Calon tidak dapat mengenali inden yang dikemukakan dan gagal menyatakan kebaikan inden tersebut.

### Contoh 35

Kebaikan jenis inden ini adalah syarikat kita tidak perlu bersusah payah pergi ke London berjumpa Malcolm Smith untuk mengetahui barang yang diingini. Inden ini memudahkan syarikat kita untuk berurusan dengan terdapatnya tetapan dan kuantiti barang yang dipesan dan tidak lupa untuk memberi tarikh tidak lewat untuk menghantar barang. Inden ini memudahkan membuat pesanan terus kepada penjual tidak perlu datang bertamannya. Inden menerangkan penghantaran dan perbayaran di buat dimana pun ditingkatkan.

Calon tidak menyatakan jenis inden dan hanya mengemukakan huraian secara umum serta tidak menepati kehendak soalan.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon hanya memberi huraian secara umum berdasarkan keterangan dalam inden yang diberi serta huraian yang tidak menepati kehendak soalan.

### Contoh 36

b) kebaikan inden ini ialah

- mudah untuk membuat tempahan.
- mengetahui kuantiti yang diminta.
- mengetahui syarikat yang diminta.

Kebaikan jenis index ini ialah  
 ia janda dan nombor, kuantiti yang pelbagai saiz dan  
 memberikan cuti yang tepat. Tarikh lewat dan tarikh  
 memberikannya dan nama syarikat yang perlu memberikan  
 kepadanya. Tidak ada tertipu kerana semua maklumat adalah  
 benar dan tepat. Kuantiti dan keterangan perlulah yang  
 benar kerana perlu menghantar ke tempat yang  
 lain. Jenis index ini merupakan seperti surat perjanjian yang  
 perlu ditandatangani dan diterimanya.

Calon mengemukakan fakta dan keterangan berdasarkan butiran dokumen yang dikemukakan dalam soalan.

**Soalan 4 (c)**

**Kekuatan calon**

Calon dapat memberikan jawapan di cerai c(i) dengan tepat dan huraian yang diberikan pada cerai c (ii) juga tepat.

**Contoh 37**

Jenis promosi yang dijalankan di situ di gambar rajah adalah  
 jualan teks.  
 Promosi jualan teks dapat menggalakkan jualan kosmetik dengan pelbagai cara.  
 Apabila seseorang ingin membeli sesuatu barang melalui jualan teks adalah penjal  
 boleh memberikan semua maklumat kepada pembeli tentang kosmetik tersebut. Ini  
 akan mempengaruhi pembeli untuk membeli kosmetik tersebut. Penjal juga akan  
 memberitahu pembeli tentang cara menggunakannya dan ini akan memudahkan  
 pembeli menggunakan kosmetik tersebut. Ini juga akan dapat menjujuk dan mempenga-  
 rui pengguna untuk membeli produk tersebut. Dengan ini, ini akan menggalakkan  
 jualan kosmetik itu. Promosi juga boleh meningkatkan jualan dan mengurangkan  
 kos pengeluaran, ini akan menggalakkan dengan lebih promosi jualan. Penjal juga  
 mesti membeli kosmetik tersebut dalam harga yang berpatutan.

Calon mengemukakan jenis promosi yang betul. Alasan yang dikemukakan juga jelas dan menepati peraturan pemarkahan.

### Kelemahan calon

Calon mengulangi isi yang sama. Huraian yang diberikan pada soalan c (ii) tidak memuaskan kerana terpengaruh dengan rajah iaitu menerangkan butiran yang terdapat dalam gambar.

### Contoh 38

(c) Promosi jualan kosmetik dari satu pihak ke satu pihak atau satu rumah ke satu rumah.  
(ii) Jenis promosi di (i) dapat menggalakkan jualan kosmetik itu ialah dengan (pajakan dan rayuan), keakraban dan kepercayaan yang dibina oleh pihak tersebut, contoh barangan; komunikasi dan kesan kepada pengguna diuji serta tempoh masa pemakaian yang dibina.

Pemilihan jenis promosi yang kurang jelas. Huraian yang dikemukakan terpengaruh dengan gambar dalam soalan.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon keliru antara konsep promosi jualan dengan keadah jualan langsung. Calon memahami gambar / grafik dalam soalan, tetapi tidak mampu menulis jawapan yang tepat.

### Contoh 39

i) Promosi jualan.  
ii) Jenis promosi jualan dapat menggalakkan jualan kosmetik ialah (melihat jenis produk) yang di promosikan. Untuk merangsang jualan supaya jualan mereka mendapat sambutan yang menggalakkan. Memenuhi keperluan dan faham pelanggan.

Calon mengemukakan pilihan yang salah. Huraian yang diberikan pula secara umum.

**5 (a)****Kekuatan calon**

Calon dapat menghitung jumlah pendapatan dengan tepat kerana memahami konsep mengira pulangan kepada pelaburan. Calon juga dapat membezakan syer biasa dengan syer keutamaan dengan tepat.

**Contoh 40**

$$\begin{aligned} \text{a) Syer keutamaan} &= \frac{9}{100} \times 2000 \times 2.00 \\ &= \underline{\underline{\text{Rm } 360}} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{b) Syer biasa} &= \frac{15}{100} \times 2000 \times 0.50 \\ &= \underline{\underline{\text{Rm } 150}} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{c) Dividen} &= \frac{12}{100} \times 6000 \times 1.00 \\ &= \underline{\underline{\text{Rm } 720}} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} &\text{Rm } 360 + \text{Rm } 150 + \text{Rm } 720 \\ &= \underline{\underline{\text{Rm } 1230}} \end{aligned}$$

**Ulasan:**

Penghitungan yang kemukakan oleh calon tepat, tersusun mengikut jenis pulangan pelaburan seperti dalam peraturan permorkahan.

ii) Dividen syer keutamaan adalah tetap. <sup>Pemegang</sup> Syer keutamaan juga ada hak untuk memilih pengurus Lembaga dalam sesuatu syarikat. Syer keutamaan diberi dividen terdahulu. Manakala dividen untuk syer biasa adalah tidak tetap dan ia mengikut keuntungan. ~~Sye~~ Pemegang syer biasa tiada ada hak dalam syarikat. Dividen untuk Syer biasa diberi selepas dividen syer keutamaan diberi.

Ulasan:

Calon dapat menunjukkan perbezaan yang jelas antara syer biasa dengan syer keutamaan.

### Kelemahan calon

Calon tidak mengira pulangan pelaburan dengan betul. Pengiraan pulangan pelaburan bercampur aduk. Calon juga tidak dapat membezakan syer biasa dengan syer keutamaan.

### Contoh 42

$$\begin{aligned} \text{(a)(i) Syer keutamaan} &= 2000 \times 2 = 4000 && 360 \times 2 = 720 \\ & \frac{9}{100} \times 4000 = \text{RM}360 \\ \text{Syer biasa} &= 2000 \times 2.5 = \text{RM}5000 && \frac{15}{100} \times 5000 = 750 \\ \text{Saham amanah} &= 6000 \times 1 = \text{RM}6000 \\ & \frac{10}{100} \times 6000 = 600 && \frac{2}{100} \times 6000 = 120 \\ & 600 + 120 = 720 \\ \text{Jumlah pendapatan} &= \text{RM}720 + \text{RM}750 + \text{RM}720 = \text{RM}2190 \end{aligned}$$

Ulasan:

Calon ini mengemukakan pengiraan yang kurang tepat kerana terdapat pengiraan yang betul bercampur dengan pengiraan yang salah.

ii) 2 pabezaan syer biasa dengan syer keutamaan ialah syer biasa mempunyai harga pasaran sebanyak RM2.50 setiap satu manakala syer keutamaan ialah harga pasaran sebanyak RM2.00 setiap satu. Selain itu syer biasa mempunyai nilai taranya RM0.50 setiap satu manakala syer keutamaan tidak mempunyai nilai taranya.

Ulasan:

Fakta dan huraian perbezaan syer biasa dan syer keutamaan yang dikemukakan oleh calon ini tidak tepat dan penerangannya juga kurang jelas. Jawapan calon dipengaruhi fakta daripada teks soalan.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Kaedah mengira pulangan pelaburan tidak difahami oleh calon. Kebanyakan calon menggunakan data harga pasaran untuk mengira pulangan dividen syer. Calon tidak menggunakan formula pengiraan pulangan pelaburan yang betul. Calon juga hanya memberi ciri-ciri syer biasa atau syer keutamaan secara berasingan dan tidak membuat perbezaan. Jawapan calon sekadar menghuraikan ciri-ciri syer biasa dan syer keutamaan.

### Soalan 5 (b)


#### Kekuatan calon

Calon yang menjawab soalan ini dapat mengemukakan sedikit fakta yang tepat. Sebahagian calon tidak mendapat markah penuh bagi soalan ini. Calon mendapat markah sekitar satu markah sahaja bagi setiap ceraihan soalan. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini.

#### Kelemahan calon

Calon hanya mampu memberikan fakta tetapi tidak mampu memberi huraian. Bagi bahagian Industri Kecil Sederhana, calon hanya memberi jawapan yang umum sahaja dan isi berulang-ulang.

#### Contoh 43



#### Ulasan:

Calon mengemukakan fakta secara umum dan penerangannya pula kurang jelas.

#### Kesilapan yang seringkali ditemui

Kebanyakan calon mengaitkan Industri Kecil dan Sederhana dengan peningkatan ekonomi atau pendapatan negara dan bukannya tabungon ekonomi negara. Manakala jawapan calon bagi ceraihan 5 b (ii) pula, ramai calon cuma mengaitkan Industri Kecil dan Sederhana dengan industri berat sahaja tanpa menjelaskan sumbangannya kepada industri negara.

### Soalan 5(c)

#### Kekuatan calon

Calon dapat memberi alasan yang relevan berdasarkan rajah yang diberi.

#### Contoh 44

Malaysia dan Australia perlu menjalankan aktiviti perniagaan antarabangsa kerana banyak faktor yang mewujudkan perniagaan ini. Antara faktor-faktornya ialah perbezaan bentuk muka bumi iklim dan sumber bumi. Contohnya, tanah di Malaysia subur dan ini mempercepatkan pertumbuhan kelapa sawit, begitu juga di Australia keadaan iklim yang sesuai telah menghasilkan susu lembu yang baik.

Faktor yang kedua ialah perbezaan tahap teknologi kerana ada sesetengah negara yang mempunyai teknologi untuk pengeluaran barang lebih baik daripada negara lain. Kos pengeluaran antara Malaysia dan Australia juga berbeza. Hal ini kerana, kos pengeluaran bagi hasil tenusu di Australia adalah rendah berbanding negara lain begitu juga Malaysia yang mampu mengeluarkan minyak sawit dengan kos yang lebih murah berbanding negara lain.

Selain itu, hubungan diplomatik juga mempengaruhi aktiviti ini. Dengan adanya hubungan diplomatik, ini akan memudahkan perniagaan antarabangsa dijalankan serta boleh meningkatkan keadaan ekonomi negara.

Ulasan:

Calon mengemukakan fakta yang tepat. Huraian yang diberi juga jelas.

#### Kelemahan calon

Calon hanya mampu memberikan fakta tertentu sahaja. Calon tidak dapat mentafsir rajah yang disediakan dalam soalan.

#### Contoh 45

Malaysia telah mendapat susu dan negara Australia tiada minyak sawit. Aktiviti perniagaan ini juga dapat menjalin hubungan antara <sup>negara-negara</sup> negara Malaysia dengan Australia. Negara Malaysia kaya dengan minyak sawit dan mereka mengexport minyak sawit tersebut dengan harga yang mahal begitu dengan negara Australia.

Ulasan:

Calon mengemukakan pilihan yang kurang jelas. Penerangan yang kemukakan juga secara umum.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Kebanyakan calon menerangkan kebaikan perniagaan antarabangsa kepada negara. Calon juga cenderung mengemukakan alasan yang umum tanpa berpandukan rajah dalam soalan.

### Contoh 46\

Malaysia dan Australia perlu menjalankan aktiviti perniagaan antarabangsa kerana kedua-dua negara tersebut saling bergantung untuk memperkayakan barangan pilihan pengguna. Barangan yang tiada di Malaysia dieksport oleh Australia ke Malaysia dan barangan yang tidak terdapat di Australia dieksport oleh Malaysia ke Australia. Selain itu

Ulasan:

Calon gagal mengemukakan alasan yang tepat berkaitan aktiviti perdagangan antarabangsa antara Malaysia dengan Australia.

## BAHAGIAN B

### Soalan 6 [KAJIAN KES]

#### Kekuatan calon

Calon dapat memberi jawapan yang tepat mengenai kesan tindakan kerajaan terhadap sekatan kemasukan daging import kepada pelanggan, penternak dan kerajaan.

### Contoh 47

Kesan tindakan kerajaan menyekat kemasukan daging import kepada pelanggan ialah pelanggan terpaksa membeli daging tempatan. Ini menjimatkan wang mereka kerana daging tempatan lebih murah daripada daging import. Walaubagaimanapun, pelanggan yang sudah biasa membeli daging import tidak dapat menikmati daging tersebut dan kehendak mereka tidak dipuaskan.

Ulasan:

Calon dapat mengemukakan fakta yang tepat serta penerangan yang jelas dan menepati peraturan permorkahan.

penernak lembu tempatan pula mendapat keuntungan yang lebih banyak ~~dan~~ dan pendapatan mereka meningkat kerana pelanggan ~~di~~ terpaksa membeli daging tempatan dan permintaan meningkat. Penernak lembu nunjutan ~~→~~ boleh hadapi masalah kekurangan lembu ~~untuk~~ kerana permintaan yang terlalu tinggi.

Ulasan:

Calon dapat mengemukakan fakta yang tepat serta penerangan yang jelas dan menepati peraturan permarkahan.

Bagi kerajaan, ekonomi negara meningkat kerana kurang import. ~~→~~ Walaubagaimanapun, ~~→~~ kerajaan menghadapi kesulitan menyekat kemasukan daging import kerana banyak prosedur harus dilalui. Ini mengambil masa dan tenaga yang banyak oleh pihak kerajaan.

Ulasan:

Calon dapat mengemukakan fakta yang tepat serta penerangan yang jelas dan menepati peraturan permarkahan.

### Kelemahan calon

Kebanyakan calon hanya menyatakan satu atau dua fakta sahaja tanpa huraian. Calon gagal mengaitkan kesan tindakan kerajaan menyekat kemasukan daging import kepada pelanggan, penernak dan kerajaan. Jawapan calon juga ringkas dan terlalu umum.

### Contoh 48

kesan tindakan kerajaan menyekat kemasukan daging import kepada pelanggan. idian pelanggan masih membeli daging tempatan. Jaguag tempat lebih mahal kerana kerajaan menyekat kemasukan daging import. ~~→~~ Atau lebih banyak pelanggan.

Ulasan:

Calon mengemukakan fakta yang betul serta fakta yang tidak tepat. Huraiannya kurang jelas dan ringkas.

kesan tindakan kerajaan menyekat kemasukan daging import kepada penternak lembu tempatan ialah mereka boleh menjual lebih mahal. Mendapat untung. Banyak orang akan memberi daging ~~sewa~~ tempatan. Dapat menjual lebih banyak daging.

Ulasan:

Calon mengemukakan fakta yang betul serta fakta yang tidak tepat. Huraiananya kurang jelas dan ringkas.

Y kesan tindakan kerajaan menyekat kemasukan daging import kepada kerajaan rakyat tidak mendapat untung. ~~the~~ selalu kerugian besar.

Ulasan:

Calon tidak mengemukakan fakta yang betul. Huraiananya kurang jelas dan ringkas.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Kebanyakan calon tidak menjawab seperti kehendak soalan. Jawapan calon tidak menepati situasi kes. Jawapan calon tidak berkaitan dengan masalah kes serta situasi yang digambarkan dalam kes. Calon lebih cenderung menjawab secara umum tanpa menggunakan fakta-fakta perdagangan.

### Contoh 49

Y Kesan tindakan kerajaan menyekat kemasukan daging import kepada pelanggan ialah pelanggan tidak dapat menikmati hidangan ~~daging~~ daging import dan mereka tidak berani <sup>memakan</sup> ~~memakan~~ daging <sup>kerana</sup> takut akan mendapat penyakit ~~kes~~ yang ~~ada~~ ada.

Ulasan:

Calon mengemukakan fakta yang salah. Jawapan calon dipengaruhi teks soalan.



## Kelemahan calon

Calon tidak mampu membuat perbandingan berdasarkan statistik yang disediakan.  
Calon tidak dapat sediakan perangkaan untuk menyokong keputusannya.

### Contoh 51,

Jika saya Encik Ali, saya akan memilih Bank Jaya. ~~Tempoh~~ pembayaran balik pinjaman itu akan mengambil masa 6 tahun. Encik Ali yang tua tidak akan dapat membayar untuk 10 tahun kerana dia mungkin akan meninggal dunia. ~~Tempoh~~ kadar faedah untuk Bank Jaya ialah 26.5% perbanding dengan kadar faedah 46% dari Bank Maju. Ia lebih rendah. ~~Tempoh~~ Cagaran untuk ~~pinjaman~~ pinjaman ialah deposit simpanan tetap adalah kurang merugikan dan bangunan ferana bangunan ~~yang~~ di mana Encik Ali menjabatkan perniagaannya mungkin kehilangan.

#### Ulasan:

Calon pemilihan yang betul tetapi huraian dan penerangan yang diberikan secara umum.

### Kesilapan yang seringkali ditemui

Jawapan calon tidak berfokus kepada teks soalan. Penelitian terhadap butiran teks sama ada angka atau pun ransangan yang dinyatakan tidak dititikberatkan. Calon tidak boleh menggunakan fakta dari buku-buku tertentu sahaja. Bagi soalan kajian kes, hanya kandungan teks perlu dikaji dan jawapannya mesti berdasarkan logik perdagangan. Calon cenderung mengemukakan hujah berdasarkan fakta umum sahaja.

### Contoh 52

Bank yang akan saya pilih ialah Bank Maju. Ini adalah kerana ~~tempoh~~ kadar faedah yang dikenakan lebih rendah berbanding Bank Jaya. Bagi 2 tahun yang pertama, hanya 1% ~~yang~~ yang dikenakan. Ini mengurangkan hutang saya banding ~~Bank Jaya~~ Bank Jaya. Selain itu, cagaran menempatkan sebuah bangunan dan bukan simpanan tetap saya. Ini adalah untuk keselamatan kewangan saya. Tempoh bayar balik pula adalah 10 tahun. Ini lebih lama banding Bank Jaya dan saya ~~hanya~~ hanya perlu membayar jumlah yang lebih sedikit tetap bulan banding Bank Jaya dan ini menjimatkan wang saya. Jumlah pembayaran pula adalah yang diminta iaitu RM2 juta untuk menampung aktiviti perniagaan <sup>saya</sup>. Walaupun tahun berikutnya adalah 5.5%, ia ~~lebih~~ lebih berbaloi kerana ~~tempoh~~ diberi 1% untuk 2 tahun pertama.

#### Ulasan:

Calon mengemukakan pemilihan yang silap. Penerangan yang diberikan kurang jelas.

### Soalan 6 (c)

#### Kekuatan calon

Calon dapat menghuraikan fakta yang berkait dengan konsep-konsep unit perniagaan, sama ada perkongsian ataupun milikan tunggal.

#### Contoh 53

Encik Ali bertegas mahu mengekalkan perniagaan milikan tunggalnya kerana milikan tunggal lebih mudah ditubuhkan. Nama sesuatu perniagaan hanya menggunakan satu nama berbanding rakan kongsi. Selain itu kadar keuntungan bagi milikan tunggal dapat pada Encik Ali berbanding rakan kongsi yang terpaksa dikongsi keuntungannya. Milikan tunggal tidak perlu kata sepakat dari pihak lain berbanding rakan kongsi yang perlukan pandangan orang lain.

Ulasan:

Calon mengemukakan fakta yang tepat. Huraian yang diberikan juga jelas.

#### Kelemahan calon

Calon hanya menjawab dari satu aspek sahaja sama ada dari aspek milikan tunggal ataupun aspek perkongsian.

#### Contoh 54

C) Encik Ali bertegas mahu mengekalkan perniagaan milikan tunggalnya adalah kerana dan enggan menerima rakan kongsi adalah kerana melalui milikan tunggal, Encik Ali <sup>lebih</sup> (tidak perlu mengikut kata orang lain) ya dan yakin dengan diri sendiri. Selain itu Encik Ali mendapat pinjaman daripada bank dan merupakan pakej pinjaman yang menarik dan boleh menyebabkan Encik Ali tidak perlu risau tentang wang yang hendak digunakan.

Ulasan:

Calon tidak dapat mengemukakan fakta yang tepat. Penerangan yang diberikan kurang jelas.

#### Kesilapan yang seringkali ditemui

Huraian calon tidak menepati kehendak soalan.

### Contoh 55

Rakan kongsi juga memerlukan pengagihan kerjabagi satu-satu pihak dan kadar syer terpaksa dipisahkan pada satu-satu rakan kongsi. Rakan kongsi juga perlu didaftar terlebih dahulu. Milikan tunggal lebih senang diuruskan berbanding rakan kongsi. (8M)

Ulasan:

Calon mengemukakan fakta yang salah. Huraian yang diberikan kurang jelas.

### SARANAN KEPADA CALON

1. Tingkatkan penguasaan konsep – elakkan daripada memahami sebahagian daripada bab tertentu sahaja. Calon perlu memahami sesuatu topic secara keseluruhan.
2. Jawapan hendaklah berfokus pada tajuk dalam sukatan pelajaran dan bukan secara umum.
3. Kenalpasti kehendak / tugas soalannya terlebih dahulu sebelum menjawab soalan.
4. Jawapan hendaklah dirangka terlebih dahulu, susunan jawapan mestilah kemas dan memberikan huraian jawapan yang lebih jelas.
5. Gunakan peruntukkan markah dalam soalan sebagai panduan merangka isi-isi penting yang diperlukan dalam soalan, bilangan isi yang diperlukan, huraian, ilustrasi dan contoh yang sepatutnya.
6. Calon perlu meningkatkan kemahiran pemerhatian terhadap amalan perniagaan terkini.
7. Calon perlu membaca dan menguasai semua tajuk kerana soalan merangkumi semua tajuk dalam sukatan. Calon perlu mengingati fakta-fakta penting setiap tajuk. Calon hendaklah sentiasa membuat latihan tubi topikal dan soalan-soalan Sijil Pelajaran Malaysia yang lalu.

### SARANAN KEPADA GURU

1. Tumpukan kepada latihan menjawab soalan-soalan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
2. Pelajar perlu didedahkan kepada konsep yang tepat dan memastikan pelajar benar-benar memahami konsep-konsep asas perdagangan.
3. Pelajar perlu diasuh untuk memberi jawapan secara teratur iaitu ada fakta, diikuti penerangan serta contoh.
4. Memahami objektif sukatan mata pelajaran serta menghayati huraian sukatan mata pelajaran – khususnya hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap bidang pembelajaran.
5. Guru dikehendaki menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal supaya lebih banyak latihan dapat diberikan kepada pelajar.
6. Pelajar dibawa ke dunia perniagaan yang sebenar seperti membuat lawatan untuk pendedahan secara 'hands-on'.